

09 AUG 2001

Meritokrasi-Cabaran

BUMIPUTERA DIMINTA TERIMA MERITOKRASI SEBAGAI CABARAN

SHAH ALAM, 9 Ogos (Bernama) -- Masyarakat Bumiputera terutamanya orang Melayu sepatutnya menerima dasar meritokrasi sebagai cabaran untuk meningkatkan kecemerlangan mereka dalam pendidikan dan bidang lain yang diceburi, kata Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Abdul Aziz Samsuddin.

Beliau berkata ia adalah tujuan sebenar kerajaan melaksanakan dasar meritokrasi dan tidak berkaitan dengan sistem kuota kemasukan ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

"Meritokrasi yang akan dilaksanakan adalah sebagai satu "wake up call" kepada masyarakat Bumiputera supaya tidak kecundang dan ketinggalan di masa akan datang berbanding dengan kaum lain dalam semua bidang termasuk pelajaran," katanya.

Kerajaan mahu pelajar Bumiputera tidak mensia-siakan peluang yang diberikan kepada mereka dan mencapai kejayaan lebih cemerlang dalam pelajaran, katanya kepada pemberita selepas menyampaikan anugerah kecemerlangan kepada pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Seskyen 9 di sini, hari ini.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selepas memberi taklimat mengenai meritokrasi kepada para pemimpin Umno di Kuala Lumpur, berkata sistem kuota kemasukan pelajar Bumiputera ke IPTA dikekalkan.

Bagaimanapun, pada masa yang sama dasar meritokrasi akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat supaya pelajar Bumiputera dapat menumpukan perhatian kepada pelajaran dan meningkatkan tahap kelayakan mereka memasuki universiti, kata Dr Mahathir.

Aziz berkata dengan melaksanakan meritokrasi, kerajaan berharap para pelajar Bumiputera dapat menggunakan peluang ada dengan sebaik mungkin.

Mengenai penerimaan dasar meritokrasi oleh masyarakat Bumiputera, beliau berkata memang ada ibu bapa yang bimbang tetapi ramai juga yang bersyukur kerana kerajaan mengambil langkah itu yang menurut mereka kena pada masanya.

Aziz berkata dalam taklimat itu, Perdana Menteri meminta para pemimpin Umno berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan dasar meritokrasi membawa kejayaan yang diharapkan.

-- BERNAMA

KM NAK